

**D.R. 32/2011**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Pencen 1980.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

- 1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pencen (Pindaan) 2011.  
(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2012.

**Pindaan seksyen 6**

- 2.** Akta Pencen 1980 [*Akta 227*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 6 dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Apa-apa pencen, ganjaran atau faedah lain yang diberikan kepada seseorang pegawai yang bersara di bawah seksyen 11 hendaklah dihitung mengikut peraturan-peraturan yang jumlah tempoh perkhidmatan yang boleh dimasuk kira baginya hendaklah dikira seolah-olah pegawai itu telah berkhidmat sehingga mencapai umur persaraan paksanya, yang mana juga terpakai baginya.”.

**Pindaan seksyen 6A**

**3.** Seksyen 6A Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “lima puluh lapan” dengan perkataan “enam puluh”;
- (b) dalam subseksyen (5A), dengan menggantikan perkataan “1 Julai 2008” dan “lima puluh lapan” masing-masing dengan perkataan “1 Januari 2012” dan “enam puluh”;
- (c) dalam subseksyen (5B)—
  - (i) dengan menggantikan perkataan “lima puluh lapan” dan “1 Julai 2008” masing-masing dengan perkataan “enam puluh” dan “1 Januari 2012”; dan
  - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “lima puluh enam tahun” perkataan “atau lima puluh lapan tahun”; dan
- (d) dalam subseksyen (5C), dengan menggantikan perkataan “lima puluh lapan” dengan perkataan “enam puluh”.

**Pindaan seksyen 10**

**4.** Seksyen 10 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “lima puluh lapan” dengan perkataan “enam puluh”;
- (b) dalam subseksyen (2) dan (3), dengan menggantikan perkataan “atau lima puluh lapan” dengan perkataan “, lima puluh lapan atau enam puluh”;
- (c) dalam subseksyen (7), dengan menggantikan perkataan “lima puluh lapan” dan “1 Julai 2008” masing-masing dengan perkataan “enam puluh” dan “1 Januari 2012”;
- (d) dalam subseksyen (8), dengan menggantikan perkataan “lima puluh lapan” dan “1 Julai 2008”, di mana-mana jua terdapat, masing-masing dengan perkataan “enam puluh” dan “1 Januari 2012”; dan
- (e) dalam subseksyen (9), dengan menggantikan perkataan “lima puluh lapan” dengan perkataan “enam puluh”.

## **Pindaan seksyen 12**

### **5. Seksyen 12 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “lima puluh lapan” dengan perkataan “lima puluh lima”;
- (b) dengan memotong subseksyen (3B); dan
- (c) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “, lima puluh lima tahun, lima puluh enam tahun atau lima puluh lapan tahun” dengan perkataan “atau lima puluh lima tahun”.

## **Pindaan seksyen 12A**

### **6. Seksyen 12A Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “lima puluh lapan” dengan perkataan “enam puluh”; dan
- (b) dengan menggantikan subseksyen (2A) dengan subseksyen yang berikut:

“(2A) Jika seseorang pegawai yang disebut dalam subseksyen (2) yang telah dilantik sebelum 1 Januari 2012 telah diberikan opsyen sebelum tarikh itu dan tidak memilih umur persaraan paksa enam puluh tahun, subseksyen (2) hendaklah terpakai baginya dengan menggantikan perkataan ‘enam puluh’ dengan perkataan ‘lima puluh lima’ atau ‘lima puluh enam’ atau ‘lima puluh lapan’, mengikut mana-mana yang berkenaan.”

## **Pindaan seksyen 15**

### **7. Seksyen 15 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam perenggan (1)(b), dengan menggantikan perkataan “dua belas tahun setengah”, di mana-mana juga terdapat, dengan perkataan “dua puluh tahun”; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan memotong perkataan “20 atau”.

**Pindaan seksyen 19**

**8.** Seksyen 19 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan (a);
- (b) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (b) dengan perkataan “; atau”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:
  - “(c) menunaikan perintah mahkamah yang dikeluarkan berhubung dengan perkara kebankrapan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengannya.”.

**Pemotongan seksyen 20**

**9.** Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 20.

**Pindaan seksyen 23**

**10.** Seksyen 23 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “lima puluh lapan” dengan perkataan “enam puluh”; dan
- (b) dengan menggantikan subseksyen (2A) dengan subseksyen yang berikut:
  - “(2A) Jika seseorang pegawai yang disebut dalam subseksyen (2) yang telah dilantik semula sebelum 1 Januari 2012 telah diberikan opsyen sebelum tarikh itu dan tidak memilih umur persaraan paksa enam puluh tahun, subseksyen (2) hendaklah terpakai baginya dengan menggantikan perkataan ‘enam puluh’ dengan perkataan ‘lima puluh lima’ atau ‘lima puluh enam’ atau ‘lima puluh lapan’, mengikut mana-mana yang berkenaan.”.

## **Pindaan seksyen 25**

**11.** Seksyen 25 Akta ibu dipinda dalam perenggan (b) dengan menggantikan perkataan “dua belas tahun setengah”, di mana-mana juga terdapat, dengan perkataan “dua puluh tahun”.

### **Kecualian dan peralihan**

**12.** (1) Pindaan dalam perenggan 5(a) dan (b) Akta ini tidaklah menjelaskan pemberian pencen kepada seseorang pegawai yang sebelum 1 Januari 2012—

- (a) telah bersara pilihan;
- (b) telah melebihi umur lima puluh lima tahun; dan
- (c) telah mencapai umur persaraan paksanya.

(2) Pemberian pencen kepada seseorang pegawai yang sebelum 1 Januari 2012—

- (a) telah bersara pilihan;
- (b) telah melebihi umur lima puluh lima tahun; tetapi
- (c) belum mencapai umur persaraan paksanya,

hendaklah hanya dibuat mulai 1 Januari 2012.

(3) Pembayaran pencen terbitan atau elauan bersara terbitan yang berbangkit daripada pindaan yang dibuat di bawah seksyen 7 dan 11 Akta ini kepada mana-mana orang yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan, jika tempoh dua belas tahun setengah telah habis sebelum 1 Januari 2012, hendaklah diuruskan sebagaimana yang berikut:

- (a) tempoh dua puluh tahun itu hendaklah dikira dari tarikh persaraan pegawai;
- (b) orang itu tidak berhak untuk mendapat pembayaran pencen terbitan atau elauan bersara terbitan bagi tempoh selepas habisnya tempoh dua belas tahun setengah hingga 31 Disember 2011; dan
- (c) pembayaran pencen terbitan atau elauan bersara terbitan itu hendaklah hanya dibuat mulai 1 Januari 2012.

**HURAIAN**

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pencen 1980 (“Akta 227”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 6 Akta 227 untuk memasukkan peruntukan untuk membolehkan penghitungan faedah persaraan pegawai yang bersara atas alasan demi kepentingan negara atau demi kepentingan perkhidmatan awam dikira mengikut tempoh perkhidmatan yang boleh dimasuk kira seolah-olah pegawai itu telah berkhidmat sehingga mencapai umur persaraan paksa yang terpakai baginya.
4. *Fasal 3, 6 dan 10* masing-masing bertujuan untuk meminda seksyen 6A, 12A dan 23 Akta 227 yang berbangkit daripada cadangan untuk melanjutkan umur persaraan paksa kepada enam puluh tahun sebagaimana yang dipinda dalam *fasal 4*. Walau bagaimanapun, pegawai yang berkenaan diberikan opsyen untuk bersara pada umur persaraan paksa sekarang sama ada lima puluh lima, lima puluh enam atau lima puluh lapan tahun sebelum 1 Januari 2012.
5. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda umur yang pencen boleh mula dibayar kepada seseorang pegawai yang dilantik dalam perkhidmatan pada atau selepas 12 April 1991 yang telah bersara pilihan, iaitu daripada umur persaraan paksa lima puluh lima tahun, lima puluh enam tahun atau lima puluh lapan tahun yang terpakai bagi pegawai itu, kepada lima puluh lima tahun.
6. *Fasal 7 dan 11* masing-masing bertujuan untuk meminda seksyen 15 dan 25 Akta 227 berkenaan dengan pelanjutan pemberian pencen terbitan dan elaun bersara terbitan daripada dua belas tahun setengah kepada dua puluh tahun dari tarikh persaraan pegawai kepada orang yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan, selain orang yang dinyatakan dalam proviso kepada seksyen 15 dan 25 Akta 227.
7. *Fasal 8 dan 9* masing-masing bertujuan untuk meminda seksyen 19 dan 20 Akta 227 untuk membolehkan pemberian pencen, pencen terbitan, ganjaran atau faedah lain dibuat kepada pegawai, pesara atau penerima pencen terbitan yang bankrap. Bagi maksud itu, pemotongan seksyen 20 Akta 227 dicadangkan dalam *fasal 9*. Walau bagaimanapun, bagi penunaian perintah mahkamah yang dikeluarkan berhubung dengan perkara kebankrapan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan kebankrapan, pindaan kepada seksyen 19 Akta 227 juga dibuat dalam *fasal 8* untuk membolehkan pencen, pencen terbitan, ganjaran atau faedah lain yang diberikan diserah hak, dipindah milik, ditahan, diasingkan atau dilevi.
8. *Fasal 12* memperkatakan peruntukan kecualian dan peralihan.
9. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amunnya belum dapat ditentukan sekarang.

[PN(U<sup>2</sup>)2817]